

22/06/2002

Kerajaan mungkin keluar Kertas Putih KMM: PM

KERAJAAN masih mempertimbangkan cadangan mengeluarkan Kertas Putih mengenai kegiatan kumpulan pelampau Islam yang terbabit dengan Kumpulan Militan Malaysia (KMM), kerana ia masih di peringkat pengumpulan maklumat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak mahu membuat kesimpulan daripada hasil penyiasatan secara tergesa-gesa kerana masih banyak perkara perlu dileraikan dulu.

"Kita mungkin akan keluarkan. Ketika ini kita sedang menyediakannya. Kami tidak mahu menyimpulkan penyiasatan mengenainya, kerana mungkin ada kes mahkamah lagi. Itupun kita kena ambil kira.

"Sebab itu kita belum dapat jelaskan keadaan sebenar," katanya pada sidang akhbar di akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang turut hadir pula berkata draf kertas berkenaan sudah dilakukan, tetapi ia masih dalam penyiasatan.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata kerajaan sedar ada kumpulan pelampau terutama di kalangan generasi muda dalam parti Pas, berpendapat satu-satunya cara untuk memerintah negara ini ialah melalui keganasan.

Kerana itu, mereka sanggup ke Afghanistan dan Pakistan semata-mata untuk belajar cara merealisasikan impian itu.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak menuduh pemimpin Pas menggalak atau mendesak golongan itu berbuat demikian. Sebaliknya, ia adalah pendapat golongan muda bahawa keganasan adalah kaedah tunggal mendirikan negara Islam.

"Mereka ini tidak percaya bahawa melalui sistem demokrasi mereka boleh menjadi kerajaan. Mereka berpendapat hanya (satu-satunya) cara untuk merebut kuasa ialah dengan menggunakan keganasan.

"Kita tak kata pemimpin Pas sengaja. Hubung kait (dengan Pas) memang terbukti ada kerana mereka adalah ahli Pas. Tapi saya tak kata ini desakan dari parti Pas," katanya.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Hadi Awang, yang meminta kerajaan membuktikan cadangan kerajaan Pas Terengganu mewujudkan undang-undang hudud dan qisas bercanggah dengan undang-undang Islam itu sendiri, Perdana Menteri berkata:

"Kita dah tunjuk berkali-kali...pekak barangkali. Undang-undang Islam tidak boleh tidak adil. Dalam Islam segala undang-undang mestilah adil.

"Ini undang-undang Pas hendak mendera orang yang menjadi mangsa. Kalau anda kena samun, anda kena masuk penjara, penyamun lepas. Kita nak tahu kalau Hadi kena samun, kita tangkap Hadi masuk penjara, dia mahu?," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menolak permintaan Pas untuk bermusyawarah kerana Pas menggunakan peraturan berkenaan hanya untuk kepentingan politik mereka, bukan benar-benar ikhlas untuk meningkatkan martabat Islam.

"Ini perkara dia punya politik. Ini bukan undang-undang, ini politik untuk memperdaya orang Melayu, untuk kepentingan politik Pas, bukan kerana Islam.

"Jadi kita tidak hendak bincang pasal perkara yang tidak ada kaitan dengan Islam, kita tahu dia hendak perdaya orang Melayu saja. Orang yang kata macam-macam pasal Tuhan takkan kita boleh terima keislamannya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan mungkin mewajibkan penggunaan kurikulum pendidikan prasekolah secepat mungkin bagi mengelak ia disalahkan oleh golongan tertentu.

Mengenai hak istimewa Melayu, Dr Mahathir berkata ia masih perlu sehingga orang Melayu benar-benar mampu berdikari suatu hari nanti.

Katanya, bukan tidak ada bangsa Melayu yang berjaya sekarang, tetapi beliau kecewa kerana jumlahnya terlalu kecil.

"Saya berpendapat kalau satu hari nanti orang Melayu begitu kuat, begitu kukuh, begitu pandai menguasai semuanya, bahkan dia boleh dapatkan semula semua tanah rizab Melayu, dia boleh beli balik bangunan pencakar langit, dia boleh bersaing dengan siapa saja, hanya ketika itu apa gunanya dia dapat keistimewaan?" tegas beliau.

(END)